**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**
***DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE***
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
*Public Service Department, Malaysia*
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.(S) 600-1/4/43( 2 )
Tarikh : 22 November 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENETAPAN URUSAN PENANGGUNGAN KERJA SELARAS DENGAN PELAKSANAAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024: PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN (PP BIL. 1/2024)**

Saya dengan hormatnya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, terdapat perubahan kepada Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) dan gaji permulaan dalam Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024. Sehubungan itu, perubahan ini memberi kesan kepada elaun-elaun yang kadarnya disandarkan kepada gaji termasuk Elaun Penanggungan Kerja (EPK).

3. Peraturan mengenai penanggungan kerja dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian PO.1.1.6: Penanggungan Kerja Perkhidmatan Awam. Berdasarkan Perenggan 10 dan 11 Ceraian PO.1.1.6, kadar EPK yang dimaksudkan ialah 25% daripada gaji permulaan skim perkhidmatan di gred lantikan atau pada gaji minimum JGMM di gred kenaikan pangkat jawatan yang ditanggung kerja. Oleh itu, nilai kadar EPK turut berubah apabila SSPA berkuat kuasa.

4. Justeru, penetapan kadar EPK bagi pegawai yang sedang dalam tempoh penanggungan kerja bagi jawatan yang sama pada 1 Disember 2024 adalah seperti berikut:

a) Jika nilai kadar EPK yang bersandarkan gaji SSPA adalah sama atau lebih tinggi daripada nilai kadar EPK bersandarkan gaji Sistem Saraan Malaysia (SSM), kadar EPK adalah ditetapkan pada gaji permulaan jawatan yang ditanggung kerja dalam SSPA mulai 1 Disember 2024.

b) Jika nilai kadar EPK yang bersandarkan gaji SSPA adalah lebih rendah daripada nilai kadar EPK bersandarkan gaji SSM, kadar EPK bersandarkan gaji SSM dikekalkan kepada pegawai sehingga penerimaan EPK bagi tempoh penanggungan kerja tersebut terhenti. Penanggungan kerja berikutnya, jika terputus, akan bermula dengan kadar baharu mengikut gaji permulaan jawatan yang ditanggung kerja dalam SSPA.

5. Selain penetapan kadar EPK, urusan penanggungan kerja yang perlu dilaksanakan berikutan perubahan skim perkhidmatan dalam SSPA adalah seperti berikut:

| Bil. | Perkara | Pelaksanaan |
|---|---|---|
| i. | Jawatan yang skim perkhidmatannya dikekalkan | Penanggungan kerja diteruskan dengan diselaraskan kepada gred SSPA tertakluk kepada peruntukan waran perjawatan. |
| ii. | Jawatan yang skim perkhidmatannya dinaik taraf dengan kelayakan masuk peringkat SPM | • Penanggungan kerja sedia ada hendaklah dihentikan pada 30 November 2024.<br>• Sekiranya wujud kekosongan jawatan dan keperluan penanggungan kerja seterusnya, ia hendaklah dilaksanakan berdasarkan jawatan di skim perkhidmatan baharu yang berkuat kuasa dalam SSPA, tertakluk kepada peruntukan waran perjawatan. |

| Bil. | Perkara | Pelaksanaan |
|---|---|---|
| iii. | Jawatan yang skim perkhidmatannya dijumudkan ke skim perkhidmatan yang berkuat kuasa | Penanggungan kerja sedia ada perlu ditamatkan pada 30 November 2024. |
| iv. | Jawatan yang terlibat dengan penggabungan dan penyeragaman gred di bawah SSPA | • Penanggungan kerja sedia ada hendaklah dihentikan pada 30 November 2024.<br>• Sekiranya wujud kekosongan jawatan dan keperluan penanggungan kerja seterusnya, ia hendaklah dilaksanakan berdasarkan jawatan di gred baharu yang berkuat kuasa dalam SSPA, tertakluk kepada peruntukan waran perjawatan. |

6. Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelaksanaan urusan penanggungan kerja dalam tempoh peralihan dari SSM ke SSPA berjalan lancar mengikut ketetapan dalam surat edaran ini.

7. Urusan ini secara keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)**

SENARAI EDARAN PERSEKUTUAN

**YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62200 PUTRAJAYA**

**YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Aras 10, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62592 PUTRAJAYA**

**YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
Aras 5, Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
**50634 KUALA LUMPUR**

**YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62662 PUTRAJAYA**

**YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 10, Blok F9, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62000 PUTRAJAYA**

**YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62624 PUTRAJAYA**

**YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62590 PUTRAJAYA**

**YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Blok D3, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62530 PUTRAJAYA**

**YBhg. Dato' Sri Amran bin Mohamed Zin**
Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Aras 3, Wisma Putra 1
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62602 PUTRAJAYA**

**YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62100 PUTRAJAYA**

**YBhg. Dato' Yusran Shah bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perladangan dan Komoditi
Aras 10, No. 15
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62654 PUTRAJAYA**

**YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62604 PUTRAJAYA**

**YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron**
Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Aras 8, Menara Prisma
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62675 PUTRAJAYA**

**YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 17, No. 51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62100 PUTRAJAYA**

**YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman**
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62546 PUTRAJAYA**

**YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8, Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62502 PUTRAJAYA**

**YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Aras 5, Blok E4/5, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62668 PUTRAJAYA**

**YBhg. Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
Aras 9, No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62100 PUTRAJAYA**

**YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar**
Ketua Setiausaha,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Aras 11 (Menara)
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62623 PUTRAJAYA**

**YBhg. Ts. Dr. Nagulendran a/l Kangayatkarasu**
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62570 PUTRAJAYA**

**YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa**
Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi
Aras 35, Lot 4G9, Persiaran Perdana
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62100 PUTRAJAYA**

**YBhg. Dato' Mad Zaidi bin Mohd Karli**
Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
Aras 15, Menara PETRA 25
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62574 PUTRAJAYA**

**YBhg. Datuk Wira Roslan bin Tan Sri Abdul Rahman**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 17, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62200 PUTRAJAYA**

**YBhg. Dato' Hairil Yahri bin Yaacob**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Tingkat 28, Menara MITI
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
**50480 KUALA LUMPUR**

**YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Blok F11, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
**62000 PUTRAJAYA**

**YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62100 PUTRAJAYA**

**YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Aras 5, Blok A
Kompleks Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin
**50580 KUALA LUMPUR**

**YBhg. Encik Fabian Bigar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Digital
Aras 14, Menara Usahawan
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62652 PUTRAJAYA**